

Mahathir tidak guna duit kerajaan untuk jumpa Bush

GEORGETOWN: Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui pertemuannya dengan Presiden Amerika Syarikat, George Bush pada 2002 membatalkan pembayaran wang kira-kira AS\$1.2 juta (RM4.5 juta).

Bagaimanapun, bekas Perdana Menteri itu menegaskan ia bukannya membatalkan wang kerajaan, sebaliknya dikeluarkan oleh individu tertentu.

"Betul, seseorang membayarnya

tetapi saya tidak fikir ia wang kerajaan," katanya pada sidang media selepas menyampaikan syarahan umum bertajuk 'Membangun Negara' di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan yang menyebut pertemuannya dengan Bush pada Mei 2002 di White House yang diatur pihak tertentu dengan menggunakan khidmat pelobi, Jack Abramoff.

Berikutan kejayaan Abramoff me-

ngatur pertemuan itu, laporan menyebut dia menerima AS\$1.2 juta daripada Kerajaan Malaysia.

Dr Mahathir berkata, ada pihak mahu beliau berjumpa Bush dengan harapan dapat mempengaruhi Presiden Amerika itu dalam beberapa perkara mengenai dasarnya, selain memperbaiki hubungan dengan Malaysia.

Katanya, beliau setuju kerana memikirkan pertemuan itu dapat memberi kebaikan kepada pihak yang

menganjur dan juga Malaysia.

"Tetapi saya tidak sentuh duit itu sama sekali. Saya percaya ada seseorang yang membayarnya kerana di Amerika Syarikat amalannya memang begitu," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan, sesiapa yang mahu berjumpa dengan pemimpin Amerika Syarikat perlu menggunakan khidmat pelobi dan membuat bayaran kepada mereka.

"Itu sistem dia, ia bukan rasuah. Ia dilakukan secara terbuka," katanya.

BH - 21/2/2006